



**ZAKAT MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG
(ZAKAT MAINPP)**

NOTIS JAWATAN KOSONG

ZAKAT MAINPP adalah sebuah anak syarikat di bawah MAINPP yang bertanggungjawab menguruskan kutipan dan agihan zakat di Negeri Pulau Pinang. Visi kami adalah untuk mengungguli usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah melalui sistem pengurusan zakat yang profesional dan berteknologi.

Zakat MAINPP turut memiliki lapan buah Pusat Hemodialisis Zakat (PHZ) yang beroperasi seluruh negeri Pulau Pinang di bawah Program Agihan Asnaf.

Selain PHZ, Inapan Kasih Sayang (IKS) juga merupakan salah satu Program Agihan Asnaf yang diwujudkan di bawah peruntukan agihan asnaf fakir dan miskin. IKS adalah merupakan asrama penginapan untuk anak-anak fakir miskin. Penghuni IKS terdiri daripada kanak-kanak yang berada dalam darjah empat, lima dan enam dan telah dibuka secara rasminya pada tahun 2012.

Bagi memastikan hasrat dan tanggungjawab ini tercapai selaras dengan visi dan misi Zakat MAINPP, kami memerlukan calon yang berkelayakan dan berkebolehan serta bermotivasi tinggi serta berminat untuk berkhidmat dan membina kerjaya dengan Zakat MAINPP.

JAWATAN

- 1. PENGURUS BAHAGIAN (2 kekosongan)**
- 2. PENOLONG EKSEKUTIF (2 kekosongan)**
- 3. KERANI AM (2 kekosongan)**

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang **berpengalaman** dan **memiliki kelayakan yang bersesuaian** seperti berikut:

1. PENGURUS BAHAGIAN (1 kekosongan)

Penempatan – di Bahagian Komunikasi Korporat, Zakat MAINPP

- 1.1 Taraf jawatan adalah tetap;
- 1.2 Memiliki sekurang-kurangnya **Diploma/ Ijazah Sarjana Muda** dalam **bidang Komunikasi Korporat / Pemasaran / Multimedia Kreatif / Seni Multimedia / Reka Bentuk Grafik** atau dalam bidang yang berkaitan dari Institut Pengajian Tinggi yang diiktiraf;
- 1.3 Berpengetahuan dalam pengurusan media sosial, strategi jenama dan komunikasi krisis;
- 1.4 Berintegriti, proaktif dan agresif, berdedikasi dan mampu bekerja dalam tekanan dan secara berpasukan;
- 1.5 Berpengalaman sekurang-kurangnya **5 tahun dalam bidang komunikasi korporat** atau dalam hal-hal berkaitan. Antara tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:
 - i. Merancang, menggubal dan melaksanakan strategi komunikasi korporat selaras dengan visi dan misi Zakat MAINPP;
 - ii. Merancang, menyelaraskan dan melaksanakan aktiviti peningkatan imej organisasi melalui pelan promosi/ publisiti yang menarik;
 - iii. Memantau dan menangani berita/ isu, dokumentasi bahan maklumat/ foto di semua platform media sosial Zakat MAINPP;
 - iv. Menyelaraskan perhubungan media melalui pengurusan liputan media dan sidang media, menyediakan maklumat kepada media dalam bentuk siaran media termasuk transkrip jawapan lisan, dan melaksanakan aktiviti untuk menjalin hubungan baik dengan pihak media
 - v. Mengurus krisis komunikasi dan membangunkan pelan komunikasi strategik.
 - vi. Membangun/ menyelaraskan bahan promosi, kandungan media sosial, siaran media dan laporan tahunan secara kreatif dan proaktif.

- vii. Menjalin hubungan strategik dengan media, agensi kerajaan, NGO serta pemegang taruh berkaitan;
 - viii. Menyelaraskan pengemaskinian maklumat di laman web seperti berita dan peristiwa, aduan dan memantau pengendalian maklumat di media sosial rasmi organisasi
 - ix. Melakukan lain-lain tugas seperti yang diarahkan dari semasa ke semasa.
- 1.6 Bertanggungjawab kepada Pengurus Besar, Jabatan Khidmat Pengurusan dan Komunikasi Korporat

2. PENGURUS BAHAGIAN (1 kekosongan)

Penempatan – di Bahagian Perumahan Asnaf dan Pengurusan Fasiliti, Zakat MAINPP

- 2.1 Taraf jawatan adalah tetap;
- 2.2 Memiliki sekurang-kurangnya **Diploma / Ijazah Sarjana Muda** dalam **bidang Kejuruteraan Awam / Pengurusan Hartanah / Pengurusan Fasiliti / Perancangan Bandar** atau dalam bidang yang berkaitan dari Institut Pengajian Tinggi yang diiktiraf;
- 2.3 Mempunyai kemahiran komunikasi, kepimpinan dan analitikal yang tinggi, komitmen serta kepekaan terhadap kebajikan golongan asnaf;
- 2.4 Berpengalaman sekurang-kurangnya **5 tahun dalam bidang pengurusan projek perumahan/ pengurusan fasiliti** atau dalam hal-hal berkaitan. Antara tugas-tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:
- i. Merancang, melaksana dan memantau program-program perumahan asnaf seperti pembinaan dan pembaikan/ baikpulih rumah;
 - ii. Menyelia operasi penyelenggaraan fasiliti milik Zakat MAINPP termasuk bangunan, aset dan kemudahan awam;
 - iii. Menguruskan peruntukan bajet dan laporan prestasi program perumahan dan fasiliti;
 - iv. Memastikan kepatuhan terhadap dasar, prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh Zakat MAINPP dan pihak berkuasa berkaitan;
 - v. Menjalin kerjasama strategik dengan agensi kerajaan, swasta dan NGO bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan perumahan asnaf;

- vi. Menyediakan laporan pengurusan kepada pihak pengurusan tertinggi secara berkala.
- vii. Melakukan lain-lain tugas seperti yang diarahkan dari semasa ke semasa.

2.5 Bertanggungjawab kepada Pengurus Besar, Jabatan Agihan Zakat.

3. **PENOLONG EKSEKUTIF – GRAPHIC DESIGNER (1 kekosongan)**

Penempatan – di Bahagian Komunikasi Korporat, Zakat MAINPP

- 3.1 Taraf jawatan adalah tetap;
- 3.2 Memiliki **Diploma** dalam bidang **Multimedia Kreatif / Seni Reka Grafik** atau bidang yang berkaitan dari Institut Pengajian Tinggi yang diiktiraf;
- 3.3 Memiliki minimum **3 tahun pengalaman** dalam bidang multimedia / seni reka atau yang berkaitan;
- 3.4 Mempunyai kemahiran yang diperlukan seperti berikut adalah satu kelebihan:
 - i. *Adobe Photoshop* dan *Illustrator*
 - ii. *Adobe After Effect*
 - iii. *Canva / Capcut / InShort* / lain-lain aplikasi *editing*
 - iv. Fotografi
- 3.5 Antara tugas dan tanggungjawab bagi jawatan ini adalah seperti berikut:
 - i. Mencari, mengkaji dan merekacipta keperluan kandungan visual yang bersesuaian seperti poster, flyers, logo, iklan, video infografik dan lain-lain untuk paparan laman sosial, laman web, iklan digital dan lain-lain platform pengiklanan;
 - ii. Menyedia hasil rekabentuk dan mengedit sebelum dipaparkan / dicetak;
 - iii. Mereka, merancang dan menjadual kempen di laman sosial Zakat MAINPP;
 - iv. Membuat *posting* dan mengawal kandungan di laman sosial Zakat MAINPP;
 - v. Membuat rakaman dan menyunting gambar, video, dan bahan multimedia untuk memastikan kualiti visual yang terbaik, termasuk mengoptimumkan saiz dan format untuk pelbagai platform;
 - vi. Melakukan penyelidikan terhadap trend terkini dalam reka bentuk grafik dan multimedia untuk memastikan hasil kerja sentiasa relevan dan terkini;

- vii. Terlibat dalam tugas fotografi/ videografi semasa program atau acara rasmi Zakat MAINPP.
- viii. Melaksanakan tugas lain seperti yang diarahkan dari semasa ke semasa.

3.6 Bertanggungjawab kepada Pengurus Bahagian Komunikasi Korporat.

4. **PENOLONG EKSEKUTIF – SETIAUSAHA KEPADA KETUA PEGAWAI OPERASI (1 kekosongan)**

Penempatan – di Pejabat Ketua Pegawai Operasi, Zakat MAINPP

- 4.1 Taraf jawatan adalah tetap;
- 4.2 Memiliki sekurang-kurangnya **Diploma bidang Kesetiausahaan, Pentadbiran Perniagaan atau dalam bidang yang berkaitan dari Institut Pengajian Tinggi yang diiktiraf;**
- 4.3 Berkemahiran dan cekap dalam penggunaan perisian Microsoft Office (Word, Excel, PowerPoint) dan pengurusan pejabat;
- 4.4 Berpengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun sebagai setiausaha atau dalam hal-hal berkaitan. Antara tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:
 - i. Menyediakan surat-menyurat, minit mesyuarat, laporan serta dokumen berkaitan untuk Ketua Pegawai Operasi;
 - ii. Menyusun dan menguruskan temu janji, mesyuarat serta urusan rasmi;
 - iii. Menjadi penghubung antara Ketua Pegawai Operasi dengan jabatan dalaman serta pihak luar;
 - iv. Menyimpan dan mengurus dokumen sulit dengan sistematik dan selamat.
 - v. Menyediakan laporan kerja harian dan lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa;
 - vi. Melakukan lain-lain tugas seperti yang diarahkan dari semasa ke semasa.

4.5 Bertanggungjawab kepada Ketua Pegawai Operasi.

5. KERANI AM – PEMANDU KEPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (1 kekosongan)

Penempatan – di Jabatan Khidmat Pengurusan dan Komunikasi Korporat, Zakat MAINPP

- 5.1 Taraf jawatan adalah tetap;
- 5.2 Memiliki sekurang-kurangnya SPM atau mana-mana kelayakan yang sama taraf dengannya;
- 5.3 Mahir dan berumur minimum 35 tahun ke bawah (keutamaan diberikan kepada calon lelaki);
- 5.4 Mempunyai lesen kereta dan motorsikal yang sah (B2 dan D) dan mahir menggunakan aplikasi navigasi seperti Waze / Google Maps;
- 5.5 Perlu sihat tubuh badan dan memiliki fizikal serta rekod pemanduan yang bersih;
- 5.6 Mempunyai **pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun** sebagai pemandu peribadi atau pemandu kepada pegawai atasan. Antara tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:
 - i. Membawa Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dengan menggunakan kenderaan pejabat bagi urusan rasmi Syarikat;
 - ii. Bersedia berkhidmat lebih masa apabila diarahkan seperti program-program lepas waktu pejabat yang perlu dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif termasuk pada hujung minggu dan hari cuti umum;
 - iii. Memastikan kenderaan khas KPE diselenggara mengikut tarikh selenggara yang dijadualkan;
 - iv. Memastikan kenderaan KPE sentiasa berada dalam keadaan baik dan bersih;
 - v. Melakukan lain-lain tugas seperti yang diarahkan dari semasa ke semasa.

5.7 Bertanggungjawab kepada Ketua Pegawai Eksekutif.

6. KERANI AM (1 kekosongan)

Penempatan – di Bahagian Pengurusan Kaunter, Zakat MAINPP

- 6.1 Memiliki sekurang-kurangnya SPM atau mana-mana kelayakan yang sama taraf dengannya;
- 6.2 Mempunyai **sekurang-kurangnya 1 - 2 tahun pengalaman** dalam hal-hal berkaitan pemasaran / khidmat pelanggan.
- 6.3 Antara tugas dan tanggungjawab bagi jawatan ini adalah seperti berikut:
 - i. Bertugas di kaunter **ZPP - MAINPP** mengikut jadual dan lokasi yang telah ditetapkan;
 - ii. Menerima bayaran zakat dan memproses permohonan agihan zakat;
 - iii. Berkhidmat di kaunter van bergerak dan kaunter pameran yang ditetapkan;
 - iv. Memproses semua borang-borang permohonan di kaunter.
- 6.4 Bertanggungjawab kepada Pengurus Bahagian Pengurusan Kaunter

SYARAT-SYARAT AM KELAYAKAN

- 1. Warganegara Malaysia dan beragama Islam;
- 2. Lulus sijil SPM / SPMV atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan (keutamaan akan diberikan kepada yang memiliki kredit dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan Matematik);
- 3. Mahir dan cekap dalam perisian *Microsoft Office (Word, Excel dan Powerpoint)*;
- 4. Tidak merokok;
- 5. Calon mestilah mempunyai rekod kesihatan yang baik;
- 6. Berakhlak mulia;
- 7. Tidak mempunyai rekod '*bancruptcy*';
- 8. Keutamaan akan diberikan kepada calon anak Negeri Pulau Pinang atau pasangan atau ibubapa berasal dari Negeri Pulau Pinang.

CARA MEMOHON

1. Bagi calon yang berminat dan memenuhi semua syarat-syarat yang dinyatakan, sila kemukakan:
 - i. Borang Permohonan Kerja yang lengkap diisi yang boleh dimuat turun di laman web <https://zakatpenang.com/sertai-kami/>
 - ii. Mengemukakan Borang Permohonan Kerja berserta *resume* / profil dan *Curriculum Vitae* terbaru (CV) yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik (sertakan salinan sijil yang berkaitan), pengalaman kerja dan sekeping gambar bersaiz pasport. Sila nyatakan gaji terkini dan gaji yang dipohon.
2. Hanya permohonan berikut akan diterima:
 - i. Lengkap dan terang;
 - ii. Salinan dokumen-dokumen yang dilampirkan disahkan oleh pegawai yang berkeelayakan;
 - iii. Memenuhi syarat-syarat kelayakan yang dikehendaki;
 - iv. Disertakan gambar berukuran pasport atau salinan dokumen yang diperlukan;
 - v. Ditandatangani.

Permohonan Dikemukakan Kepada:

**PENGURUS BESAR
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
DAN KOMUNIKASI KORPORAT
ZAKAT MAINPP
No.4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang**

Semua permohonan adalah sulit. Hanya calon yang berkeelayakan dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan mestilah sampai kepada pihak kami sebelum atau pada **2 JUN 2025 (ISNIN)**.